

Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah

Volume 21 No. 1 (2025)

ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328

Homepage: <https://jmq.s.usim.edu.my/>



- Title : **Ibn Kathīr's Perspective on Marital Divorce Conflict in His Exegesis of Sūrah al-Baqarah**
- Author (s) : Muhammad Yusry Affandy Md Isa, Nur Syazmiza Abdul Aziz
- Affiliation (s) : Universiti Sains Islam Malaysia
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmq.s.v21i2.531>
- History : Received: May 28, 2025; Revised: October 13 2025; Accepted: December 1, 2025; Published: December 25, 2025.
- Citation : Yusry Affandy Md Isa, M., & Syazmiza Abdul Aziz, N. (2025). Perspektif Imam Ibn Kathir Mengenai Konflik Perceraian Dalam Pentafsiran Surah Al-Baqarah: Ibn Kathīr's Perspective on Marital Divorce Conflict in His Exegesis of Sūrah al-Baqarah. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 21(2), 112-136.
<https://doi.org/10.33102/jmq.s.v21i2.531>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest

Perspektif Imam Ibn Kathir Mengenai Konflik Perceraian Dalam Pentafsiran *Surah Al-Baqarah*

Ibn Kathīr's Perspective on Marital Divorce Conflict in His Exegesis of Sūrah al-Baqarah

Muhammad Yusry Affandy Md Isa*

Nur Syazmiza Abdul Aziz

Faculty of Quranic and Sunnah Studies
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Imam Ibn Kathir mempunyai perspektif pentafsiran tersendiri mengenai konflik perceraian dalam karya tafsirnya; *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Menerusi pentafsiran *Surah al-Baqarah*, Imam Ibn Kathir menyentuh tentang konsep perceraian, implikasi terhadap masyarakat dan memaparkan kenyataan hukum syarak. Objektif utama kajian ini adalah untuk menjelaskan sudut pandang Imam Ibn Kathir selaku ahli tafsir tersohor dalam menjelaskan isu perceraian yang melanda sebahagian institusi kekeluargaan. Kajian ini juga menganalisis perspektif beliau yang dapat menyumbang pengetahuan dan kefahaman umat Islam khususnya dalam soal hukum perceraian berdasarkan kehendak wahyu. Permasalahan sering timbul di kalangan masyarakat apabila mereka meremehkan isu perceraian dan bertindak tanpa mengikut ketetapan hukum nas al-Quran. Kaedah kajian ini mengaplikasikan kaedah induktif bagi mendapatkan fakta-fakta dalam konteks perceraian dalam pentafsiran *Surah al-Baqarah*. Kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menghuraikan pendapat Imam Ibn Kathir dalam pentafsiran sesuatu ayat perceraian dan merumuskan tentang konsep, implikasi dan penekanan hukum. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Ibn Kathir menekankan perihal keseimbangan antara hukum syarak dan keadilan sosial dalam isu perceraian. Beliau memberi perhatian kepada hak-hak wanita dalam proses perceraian dan menegaskan kewajipan perceraian dijalankan dengan proses yang adil dan bertunjangkan hukum hakam. Implikasi kajian ini diharapkan dapat memperkasakan keilmuan masyarakat mengenai perceraian yang telah dinaskan al-Quran. Perspektif Imam Ibn Kathir juga menjurus kepada kefahaman bahawa sebenarnya konflik perceraian adalah sesuatu yang wajar dielakkan. Namun apabila menjadi keperluan, perceraian yang dilaksanakan dengan merujuk kepada pedoman dan hukum al-Quran adalah suatu inisiatif

* Correspondence concerning this article should be addressed to Muhammad Yusry Affandy bin Md Isa, Universiti Sains Islam Malaysia at yusry_affandy@usim.edu.my.

perceraian yang terpuji meskipun perpisahan telah berlaku dalam sesebuah rumah tangga.

Kata kunci: Perspektif, Ibn Kathir, Perceraian, Pentafsiran, Surah al-Baqarah.

Abstract

Imām Ibn Kathīr offers a distinct interpretive approach to divorce (*ṭalāq*) in his *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. In his exposition of Sūrah al-Baqarah, he addresses the concept of divorce, its social implications, and key Sharīah rulings derived from the Qur’ānic text. This study aims to elucidate Ibn Kathīr’s perspective as a leading *mufasssīr* in clarifying divorce-related issues that affect family institutions, and to assess how his interpretation contributes to Muslim understanding of divorce law as grounded in revelation. Contemporary disputes often arise when divorce is treated lightly or pursued without due regard for Qur’ānic legal parameters and ethical constraints. Methodologically, the study employs an inductive approach to compile relevant data from Ibn Kathīr’s interpretation of divorce passages in Sūrah al-Baqarah, alongside descriptive analysis to present and synthesize his exegetical positions on selected verses, highlighting core concepts, legal emphases, and social considerations. The findings indicate that Ibn Kathīr frames divorce through a balance of legal obligation and moral responsibility, underscoring procedural fairness and the pursuit of social justice. He gives particular attention to the protection of women’s rights during the divorce process and stresses adherence to the relevant rulings and limits established by the Qur’ān. This study is expected to strengthen public understanding of Qur’ānic divorce legislation and to reinforce the principle that divorce conflicts should be avoided wherever possible; however, when divorce becomes necessary, implementing it in accordance with Qur’ānic guidance remains a legitimate and ethically regulated course of action.

Keywords: Perspective, Ibn Kathir, Divorce, Interpretation, *Surah al-Baqarah*.

Pendahuluan

Perceraian atau dikenali *talaq* dalam Bahasa Arab bermaksud melepaskan ikatan perkahwinan sama ada secara jelas atau sindiran berdasarkan ungkapan yang dibenarkan syarak. Perceraian adalah melibatkan pasangan suami dan isteri yang terpisah menerusi lafaz cerai atau ungkapan seumpamanya. Sebagai sebahagian daripada syariat, hukum asas perceraian adalah harus namun wajar dilakukan dengan penuh hikmah, mematuhi

peraturan, dan mengutamakan cara yang baik sebagaimana yang dituntut dalam al-Quran.¹

Isu perceraian dalam masyarakat Islam sering dipandang ringan atau disalah tafsirkan terutamanya dalam konteks pelaksanaan hukum *talaq*. Walaupun perceraian dibenarkan dalam Islam, ia harus dilakukan mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam al-Quran dan hadith yang menekankan keadilan, hikmah dan etika. Namun dalam realiti masyarakat moden, perceraian sering berlaku tanpa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan banyak pasangan suami isteri yang mengambil jalan perceraian tanpa terlebih dahulu berusaha untuk menyelamatkan perkahwinan mereka. Oleh itu, permasalahan utama kajian ini adalah untuk memahami dan menganalisis perspektif Imam Ibn Kathir mengenai perceraian yang menekankan pentingnya melaksanakan perceraian dengan cara yang adil, beretika dan selaras dengan kehendak wahyu.

Imam Ibn Kathir sebagai seorang ahli tafsir dan fiqh yang berwibawa telah membincangkan isu penceraian di dalam karta tafsirnya iaitu *Tafsir al-Qur'an al-Azim* khasnya menerusi pentafsiran *Surah al-Baqarah* yang mengandungi pelbagai nas berkaitan *fiqh munakahat* (fiqh kekeluargaan). Imam Ibn Kathir menekankan bahawa perceraian walaupun dibenarkan dalam Islam, seharusnya dipandang sebagai langkah terakhir. Menurut beliau, perceraian harus berlaku setelah semua usaha untuk menyelamatkan perkahwinan telah dilakukan. Dalam tafsirannya, beliau menjelaskan bahawa *talaq* yang dapat dirujuk itu harus disertai dengan penahanan yang baik atau pelepasan yang baik selaras dengan firman Allah SWT dalam ayat 229 *Surah al-Baqarah*. Ini menunjukkan bahawa walaupun perceraian itu dibenarkan, ia mesti dilaksanakan dengan cara yang adil dan beretika serta mengambil kira hak dan tanggungjawab kedua-dua pihak.²

Imam Ibn Kathir mempunyai perspektif perceraian yang selari dengan Islam. Dalam pentafsirannya, beliau berpendapat tentang konsep dan penyelesaian berdasarkan ilmu fiqh di samping pentafsiran yang menggunakan keterangan nas daripada al-Quran dan *hadith nabawi*. Dalam membina perspektif tersendiri, Imam Ibn Kathir sering merujuk kepada pendapat para *fuqaha* terdahulu dalam menjelaskan makna ayat pernikahan, penceraian, *iddah* dan hak-hak wanita selepas penceraian.

¹ Sharifah Faigah Syed Alwi. (2005). *Hakikat Perceraian Dalam Islam: Halal Tetapi Dibenci Allah S.W.T*. Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CIKU). Pahang: Universiti Teknologi Mara Pahang, hal. 142.

² Nabila Fajriyanti Muhyin. (2023). *Metode Penafsiran Ibnu Katsir Dalam Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir. Bogor: STAI Al-Hidayah, hal. 147.

Sebagai contoh, ketika menafsirkan ayat-ayat tentang perceraian dalam *Surah Al-Baqarah*, Imam Ibn Kathir mengaitkan tafsirannya dengan hukum-hakam fiqh yang berkaitan seperti bilangan *talaq* yang dibenarkan dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi. Dengan menggabungkan tafsiran ayat dengan penjelasan fiqh, Imam Ibn Kathir menyediakan panduan yang komprehensif buat umat Islam dalam memahami literal ayat, maksud tersirat dan implikasi hukum yang terkandung di dalam ayat.³ Ini menjadikan pentafsiran Imam Ibn Kathir sebagai sumber yang penting untuk memahami al-Quran dalam konteks syariat yang lebih mendalam.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah mencapai perkara di bawah:

- i. Untuk menganalisis pentafsiran Imam Ibn Kathir berhubung hukum perceraian dan tujuan pensyariaan yang terdapat dalam tulisannya *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* khususnya dalam pentafsiran *Surah al-Baqarah*.
- ii. Untuk mengkaji sumbangan pemahaman Imam Ibn Kathir dalam menangani isu perceraian dalam masyarakat Islam dengan tujuan untuk memperkukuhkan pengetahuan umat Islam mengenai perceraian berdasarkan hukum nas al-Quran.

Latar Belakang dan Ketokohan Imam Ibn Kathir

Nama lengkap Imam Ibn Kathir ialah adalah Abu al-Fida' Isma'il Ibn 'Amr Ibn Kathir Ibn Dhaw' Ibn Kathir Ibn Zara' al-Busrawi al-Dimashqi al-Faqih al-Shafi'i. Ibnu Kathir merupakan seorang ulama yang terkenal dalam sejarah Islam. Namanya iaitu Isma'il adalah sama dengan nama abangnya yang telah meninggal sebelum kelahirannya sebagai tanda kenangan keluarga. Beliau juga sering dirujuk sebagai Ismail Ibn Kathir kerana dikaitkan dengan nama datuknya.⁴ Imam Ibnu Kathir berasal daripada Banu Haslah dan dilahirkan pada penghujung tahun 640 Hijrah di wilayah Basrah.

Pada peringkat awal, Imam Ibn Kathir menuntut ilmu daripada bapa saudaranya dari Banu 'Uqbah serta melazimi pengajian kitab mazhab Hanafi iaitu *al-Bidayah*. Selepas pemergian ayahnya, beliau dibesarkan ayah saudaranya yang bernama 'Abd al-Wahhab. Pada tahun 707 Hijrah,

³ Umar Mukhtar Mohd Noor. (2016). *Bayan Linnas Siri 46: Cerai: Elakkanlah*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1827-bayan-linnas-siri-46-cerai-elakkanlah>. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Diperolehi pada 2 Februari 2025.

⁴ Sofa Julianto. (2017). *Kaidah Istifham dan Inplementasinya Dalam Al-Qur'an*. Pekanbaru: Fakultas Ushuluddin Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau Pekanbaru, hal. 36.

keluarganya berpindah ke Dimashq dan Imam Ibn Kathir mula meneruskan kehidupan dan mendalami ilmu di sana.

Imam Ibn Kathir meninggal dunia pada hari Khamis, 26 Sya'ban 774 Hijrah dan dikebumikan di pemakaman al-Sufiyah yang terletak bersebelahan dengan makam gurunya yang tersohor iaitu Ibn Taimiyah. Semasa jenazah beliau dibawa keluar dari kota Dimashq menuju tempat pemakaman, ramai orang hadir untuk mengiringi jenazahnya. Keadaan ini menunjukkan betapa besar penghormatan masyarakat terhadap sumbangan keilmuan dan ketokohnya.⁵

Pengajian Ilmu dan Sumbangan

Imam Ibn Kathir terkenal sebagai seorang ulama besar yang banyak menimba ilmu daripada para ulama di Dimashq khasnya seperti Burhan al-din Ibrahim al-Fazari, Isa bin Mut'im, Ibn 'Ashakir, Ibn Syairazi, Ishaq bin Yahya bin al-Amidi, Ibn Zarrad, al-Zahabi dan Ibn Taimiyah. Salah seorang gurunya yang lain ialah Jamal al-Din Yusuf bin Zaki al-Mizzi, seorang ahli hadith tersohor di Syam yang kemudiannya mengahwinkan anak perempuannya dengan Imam Ibn Kathir. Imam Ibn Kathir juga melanjutkan pengajian ilmu di Mesir. Kealiman Imam Ibn Kathir diakui para ulama pada zamannya serta generasi selepasnya. Al-Zahabi mengakui Imam Ibn Kathir sebagai ulama bertaraf mufti, ahli hadith, ahli fiqih dan ahli tafsir yang banyak menyumbang karya dan sebaran ilmu. Kehebatan dalam pelbagai disiplin ilmu mempengaruhi kemahsyuran namanya di persada umat Islam di seluruh dunia.⁶

Imam Ibn Kathir pernah dilantik memegang beberapa jawatan penting dalam bidang keilmuan sepanjang hidupnya. Pada tahun 746H (1345M), beliau dilantik sebagai khatib masjid di Mizza. Pada tahun 748H (1348M), Ibn Kathir dilantik sebagai guru hadith di Turba Umm Salih bagi menggantikan gurunya iaitu al-Zahabi. Pada tahun 756H (1355M), beliau dilantik sebagai ketua Dar al-Hadith al-Ashrafiyyah selepas kewafatan Qadi Taqi al-Din al-Subki. Dalam usaha menangani masalah rasuah, pada tahun 759H (1358M) Imam Ibn Kathir dan beberapa ulama lain dijemput oleh Gabenor Dimashq, Amir Manjak untuk terlibat dalam jawatankuasa pentadbiran. Seterusnya, pada tahun 762H (1361M), beliau memberikan nasihat dan fatwa mengenai strategi pentadbiran dan perdamaian di bawah era Amir Baydamur yang menghadapi pelbagai konflik politik.⁷

⁵ Afina Atsania. (2019). *Biografi Tafsir Ibn Kathir*. Surabaya: Universitas Islam Surabaya, hal. 53.

⁶ Riana Ratna Sari. (2019). *Islam Kaffah Menurut Pandangan Ibnu Katsir*. Kerinci: Fakultas Ushuluddin, Adab dan Dakwah, IAIN Kerinci, hal. 137.

⁷ *Ibid*. hal. 137.

Pada tahun 766H (1365M), pihak pemerintah telah mengamanahkan Imam Ibn Kathir untuk menyusun sebahagian syarahan kandungan *Sahih al-Bukhari*. Pada tahun 767H (1366M), beliau dilantik sebagai guru tafsir dan mudir di *Masjid Umawi* oleh Gabenor Mankali Bugha. Dalam tahun yang sama, Amir Mandjak mengatur semula struktur pertahanan di pantai Lubnan-Syria yang sering diancam oleh angkatan Frank of Cyprus. Ketika itu, Imam Ibn Kathir bertindak segera menulis karya mengenai jihad bertajuk *Risalat al-Ijtihad fi Talab al-Jihad*. Tulisannya menjadi peniup motivasi kepada pihak Islam dan membuktikan komitmennya terhadap isu-isu yang berkaitan dengan agama dan masyarakat.⁸

Kajian Lepas

Menurut Mustafa Ahmad al-Zarqa (2003), sumbangan Imam Ibn Kathir yang paling berpengaruh ialah karya tafsirnya yang bertajuk *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Tafsir ini ditulis pada abad ke-14 Masihi iaitu sekitar tahun 1370 Masihi. *Tafsir al-Qur'an al-Azim* mengandungi 11 jilid yang merangkumi pentafsiran 30 juz al-Quran. Setiap jilid membahaskan tafsiran ayat dengan rujukan pelbagai hadith, pendapat para sahabat dan ulama terdahulu serta riwayat-riwayat tafsir. Tafsir ini menggabungkan pendekatan ilmiah yang mendalam dengan gaya bahasa yang mudah difahami.⁹

M. Rifai Aly (2019) dalam penulisannya menegaskan bahawa Imam Ibn Kathir telah mengemukakan perbincangan khas lagi meluas berhubung fiqh perceraian di dalam *Tafsir al-Qur'an al-Azim* terutama dalam pentafsiran *Surah al-Baqarah*. Untuk memahami ayat-ayat perceraian, Imam Ibn Kathir menekankan kepentingan memahami konteks ayat, *asbab al-nuzul* dan pentafsiran nas yang perlu dikaitkan dengan pendapat para ulama ke arah mengamati hukum fiqh yang tepat.¹⁰

Dalam isu-isu seperti pernikahan, perceraian dan harta pusaka, Imam Ibn Kathir sering kali menampilkan pandangan pelbagai mazhab seperti Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali. H. Hasan Basri (t.t.) berpendapat pendekatan Imam Ibn Kathir ini membolehkan para ulama dan pelajar fiqh mendapat gambaran yang lebih luas mengenai sesuatu ayat fiqh *munakahat*. mereka juga dapat melihat perbezaan pendapat yang berlaku menerusi pentafsiran yang disediakan Imam Ibn Kathir. Pentafsirannya juga

⁸ *Op.cit.*, hal. 67.

⁹ Al-Zarqa, Mustafa Ahmad. (2003). *al-Manhajiyyah fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Misr: Dar al-'Ilm, hal. 46.

¹⁰ M. Rifai Aly. (2019). *Asbab al-Nuzul Dalam Tafsir Ibnu Katsir*. Program Studi Ilmu Al-Quran dan Tafsir. Banda Aceh: UIN Ar-Raniry, hal. 45.

memudahkan proses ahli ilmu tertentu dalam proses *tarjih* atau *ijtihad* setelah melihat dalil atau pendapat yang paling kuat.¹¹

Sayed Rashed Hasan Chowdury (2014) melalui kajiannya membincangkan secara terperinci latar belakang serta metodologi pentafsiran Imam Ibn Kathir dalam karya *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beliau menjelaskan bahawa Imam Ibn Kathir menggunakan pendekatan berasaskan hadith, pandangan sahabat dan tabi'in dalam mentafsirkan ayat-ayat hukum termasuk ayat-ayat yang berkaitan dengan penceraian. Pendekatan ini memperlihatkan keseimbangan antara aspek hukum, sosial dan moral dalam pentafsiran beliau terhadap isu penceraian yang menuntut hikmah, keadilan dan kemaslahatan ummah sebagaimana yang dikehendaki syariat Islam.¹²

Riski Hariyadi (2023) dalam kajiannya telah meneliti pelaksanaan *talaq* dan *ruju'* berdasarkan ayat 228 hingga ayat 230 *Surah al-Baqarah* dengan merujuk kepada pelbagai tafsir klasik termasuk sumber pentafsiran Imam Ibn Kathir. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa pandangan Imam Ibn Kathir amat menekankan aspek hukum dan adab dalam proses penceraian. Keadilan, kesaksamaan serta pelaksanaan *talaq* dan *ruju'* secara berhemah adalah suatu perkara yang wajib. Kejayaan menunaikan aspek-aspek ini tanpa berpisah antara satu sama lain adalah amat dikehendaki syarak demi menatijahkan kemaslahatan institusi keluarga dan masyarakat. Tanpa aspek tersebut penceraian pasti memberi kesan yang buruk.¹³

Zeenat Shaukat Ali (2023) dalam penulisannya menjelaskan konsep serta jenis-jenis penceraian dalam hukum Islam termasuk penceraian yang harus dimulakan pihak isteri. Beliau menegaskan bahawa setiap bentuk penceraian perlu dilaksanakan berasaskan prinsip keadilan dan hukum hakam syarak bagi memastikan hak kedua-dua pihak terpelihara. Pandangan ini selaras dengan tafsiran Imam Ibn Kathir yang turut menekankan aspek tanggungjawab dan larangan melakukan kezaliman dalam hubungan suami isteri sebagaimana tertera dalam nas *Surah al-Baqarah*. Kajian ini turut memperlihatkan bagaimana pentafsiran Imam Ibn Kathir dapat dijadikan

¹¹ H. Hasan Basri. (t.t.). *Model Penafsiran Hukum Ibn Kathir*. Bandung: UIN Sunan Gunung Djati Bandung, hal. 7.

¹² Sayed Rashed Hasan Chowdury. (2014). *Tafsir Ibn Kathir: Biography of Writer and Specialist in Tafsir*. Dhaka, Bangladesh: University of Dhaka *International Journal of Social, Political and Economic Research (IJOSPER)*, Vol. 1, No. 1, hal. 20–40.

¹³ Riski Hariyadi. (2023). *Implementasi Peraturan Talak dan Rujuk di Indonesia: Perspektif Surah al-Baqarah Ayat 228, 229 dan 230*. Jurnal Medinate. Palembang: Universitas Islam Negeri Raden Fatah, hal. 15.

landasan dalam memahami kesan sosial dan hukum terhadap institusi kekeluargaan Islam.¹⁴

Menurut Imam al-Shafi'i (t.t.) dalam karya *al-Umm*, beliau berpandangan bahawa hukum asal bagi perceraian adalah harus namun pelaksanaan perceraian tanpa sebab yang kukuh adalah tidak disukai syarak. Beliau menegaskan bahawa *talaq* seharusnya menjadi pilihan terakhir apabila tiada lagi jalan perdamaian antara suami dan isteri. Pandangan ini menunjukkan bahawa Imam al-Shafi'i menilai perceraian sebagai satu langkah darurat untuk mengelakkan kemudaratan yang lebih besar dalam rumah tangga. Pandangan ini seiring dengan perspektif Imam Ibn Kathir yang menjelaskan bahawa konflik perceraian wajar dielakkan selagi mana perdamaian masih boleh dicapai. Namun apabila perceraian menjadi satu keperluan antara suami dan isteri, maka perceraian yang dilakukan berlandaskan hukum al-Quran akan menjadi suatu inisiatif terpuji.¹⁵

Menurut Wahbah al-Zuhaili (1985) dalam karya *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, hukum perceraian adalah bersifat anjal dan berubah mengikut keadaan. Beliau menjelaskan bahawa pada asalnya hukum *talaq* adalah harus namun boleh berubah menjadi wajib, haram, makruh atau sunat bergantung kepada situasi pasangan. Kepelbagaian hukum ini memperlihatkan bahawa perceraian bukanlah sesuatu tindakan drastik terhadap isu rumah tangga dan menuntut penelitian lanjut. Pandangan Wahbah al-Zuhaili seiring dengan pemikiran Imam Ibn Kathir yang menegaskan bahawa perceraian tidak boleh dilakukan secara terburu-buru. Ia wajar dilakukan berasaskan beberapa ketetapan al-Quran, sunnah dan pedoman ilmu fiqh kekeluargaan.¹⁶

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai pendekatan utama dalam menganalisis fakta-fakta dalam konteks perceraian menerusi pentafsiran *Surah al-Baqarah* yang terkandung dalam kitab *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* tulisan Imam Ibn Kathir. Seterusnya kajian ini mengaplikasikan kaedah induktif iaitu suatu kaedah yang bermula daripada pemerhatian khusus terhadap data sebelum merumuskan kesimpulan umum. Justeru, kaedah induktif telah digunakan bagi mendapatkan data pentafsiran utama daripada sumber utama kajian.

¹⁴ Ali, Zeenat Shaukat. (2023). *The Concept and Types of Divorce in Islamic Law Initiated by Wife*. Jaipur, Rajasthan: IOSR Journal of Humanities and Social Science. Vol. 28, Issue 9, hal. 43–47.

¹⁵ Al-Shafi'i, Muhammad ibn Idris. (t.t.). *al-Umm*, jld. 5. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hal. 214.

¹⁶ Wahbah al-Zuhaili. (1985). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, jld. 9. Dimasq: Dar al-Fikr, hal. 692.

Adalah menjadi satu keperluan penting untuk mengambil fakta pentafsiran daripada sumber asal dalam kajian pengajian Islam (al-Khatib, 1989). Untuk tujuan pengumpulan data, senarai kandungan daripada sumber primer iaitu kitab *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* telah ditelaah dan seterusnya proses pemilihan fakta berhubung perceraian dalam Islam telah dilakukan.

Di samping kaedah induktif, pengkaji turut mengaplikasikan kaedah deskriptif. Kaedah deskriptif merujuk kepada kaedah penyelidikan yang bertujuan untuk menerangkan sesuatu fenomena berdasarkan pemerhatian dan analisis data secara sistematik. Kaedah ini digunakan bagi menghuraikan dan merumuskan menghuraikan pendapat Imam Ibn Kathir dalam pentafsiran sesuatu ayat perceraian dan merumuskan tentang konsep, implikasi dan penekanan hukum. Kaedah deskriptif adalah satu kaedah yang menyempurnakan penganalisan khasnya dalam kajian pengajian Islam (Mohd Kamal, 2009).¹⁷

Setiap fakta yang dihuraikan akan turut dijalinan dengan perihal persamaan atau perbezaan fakta berasaskan pendapat *fuqaha'* yang berpengaruh dalam dunia Islam seperti Imam al-Shafi'i dan Wahbah al-Zuhaili. Pemilihan Imam al-Shafi'i adalah disebabkan faktor pengaruh Mazhab Shafi'i dalam perundangan kekeluargaan tanah air dan pemilihan Wahbah al-Zuhaili disebabkan faktor ketokohan dalam fiqh empat mazhab dan perspektif fiqh moden. Di samping itu, pengkaji turut menjalankan proses deskriptif berdasarkan fakta daripada kajian lepas seperti artikel kontemporari tertentu untuk dijadikan bahan sokongan dalam penghuraian data.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Perspektif Imam Kathir Dalam Isu Perceraian

Dalam bab perkahwinan dan perceraian, pengkaji mendapati Imam Ibn Kathir banyak dipengaruhi pendapat Ibn 'Abbas RA. Ibn 'Abbas RA merupakan seorang sahabat yang bergelar *turjuman al-Quran* (penterjemah kehendak al-Quran). Pentafsirannya merupakan sebahagian sumber *ma'thur* dalam memahami ayat-ayat al-Quran termasuk yang berkaitan dengan hukum-hakam.¹⁸ Kefahaman Ibn 'Abbas RA yang mendalam menjadi rujukan penting Imam Ibn Kathir dalam menyelesaikan isu-isu kompleks seperti *talaq*, *ruju'* dan *'iddah*.

¹⁷ Mohd Kamal Hassan. (2009). *Towards a Common Civilization: Critical Concepts in Political Science*. London dan New York: Routledge, hal. 57.

¹⁸ Lajnah al-Fatwa bi al-Shabakah al-Islamiyyah. (1431 H). *Fatawa al-Shabakah al-Islamiyyah*. Riyadh: Kerajaan Saudi Arabia, hal. 429.

Sebagai contoh, Ibn ‘Abbas RA memberikan penjelasan tentang ‘*iddah*’ bagi wanita yang dicerai dari suami dan tempoh ‘*iddah*’ yang berbeza seperti wanita hamil atau wanita yang tidak lagi datang haid. Dengan merujuk kepada pendapat Ibn Abbas RA, Imam Ibn Kathir telah mengemukakan dan menyokong tafsiran tersebut. Rujukan tersebut menjadikan pentafsiran Imam Ibn Kathir memiliki asas yang kuat dalam memahami nas ‘*iddah*’ dalam al-Quran. Imam Ibn Kathir juga menjelaskan dalam tafsirnya riwayat-riwayat berkaitan penceraian dan memberikan pendapatnya mengenai riwayat tersebut.¹⁹

Analisis Isu Penceraian Dalam *Surah al-Baqarah*

Terdapat dua belas ayat yang berkaitan dengan isu penceraian dalam *Surah al-Baqarah* iaitu dari ayat 226 hingga 241. Ayat-ayat ini merangkumi pelbagai aspek yang berkaitan dengan isu penceraian seperti *talaq*, ‘*iddah*’, *ruju*’ dan hak pasangan suami isteri. Setiap ayat memberikan panduan yang jelas untuk memastikan penceraian dilaksanakan secara adil. Berikut adalah perspektif pentafsiran Imam Ibn Kathir dalam isu-isu tumpuan:

***Ila*’ Terhadap Isteri (ayat 226 dan 227 *Surah al-Baqarah*)**

Imam Ibn Kathir mengemukakan pendapat Ibn Abbas RA mengenai makna *ila*’ iaitu setiap sumpah suami yang menghalang dirinya daripada melakukan jimak. Imam Ibn Kathir menjelaskan daripada makna tersebut, sumpah itu membabitkan tempoh selama empat bulan atau lebih daripada empat bulan. Meskipun tindakan suami tidak wajar, isteri digalakkan bersabar dan tidak tergesa-gesa menuntut perceraian kerana tempoh empat bulan itu menjadi masa yang wajar untuk kedua-dua pihak menilai masa depan mereka. Namun, jika suami enggan kembali bersama isteri selepas tempoh tersebut, isteri berhak menuntut haknya termasuk meminta suami mencampurinya atau menceraikannya. Dalam keadaan sedemikian, hakim berkuasa untuk memaksa suami menceraikan isteri demi memastikan keadilan dan mengelakkan penindasan. Menurut Imam Ibn Kathir, hukum ini hanya terhad kepada isteri dan tidak melibatkan hamba sahaya berdasarkan nas riwayat *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*.²⁰

Imam Ibn Kahtir menegaskan *ila*’ merupakan tindakan suami yang tidak adil dalam melaksanakan tanggungjawabnya terhadap isteri. Ia boleh dianggap sebagai perlakuan kasar, pengabaian nafkah atau penggangguan

¹⁹ *Op.cit.*, hal. 456- 459.

²⁰ Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma’il bin ‘Umar. (2000). *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*. Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm, hal. 284.

emosi dan batin isteri. Dalam Islam, perilaku ini dianggap bertentangan dengan ajaran syarak kerana seorang suami diwajibkan berlaku baik dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap isteri.²¹

Perspektif Imam Ibn Kathir adalah selari dengan pendapat Imam al-Shafi'i yang masing-masing berpegang kepada tafsiran Ibn 'Abbas RA berhubung makna *ila*.²² Kedua-duanya menekankan bahawa *ila* ialah sumpah yang menahan hak isteri. Islam telah menetapkan tempoh empat bulan sebagai batasan syarie untuk menilai hubungan tersebut. Kedua-dua ulama bersepakat bahawa hakim mempunyai kuasa untuk memaksa suami menceraikan isteri selepas tempoh empat bulan jika suami enggan kembali kepadanya. Ketetapan ini menzahirkan prinsip keadilan dan keseimbangan dalam hukum kekeluargaan Islam.

***'Iddah* Wanita Yang Diceraikan Suami (ayat 228 *Surah al-Baqarah*)**

Imam Ibn Kathir menjelaskan bahawa *'iddah* bermaksud tempoh masa tertentu yang diwajibkan bagi seorang wanita untuk menunggu sebelum dibenarkan berkahwin semula selepas berlaku perceraian atau kematian suami. Tempoh *iddah* ini bertujuan untuk memastikan kesucian rahim, menghormati ikatan perkahwinan yang terdahulu dan memberi ruang untuk proses pemulihan emosi serta psikologi.

Dalam kes wanita yang telah diceraikan ketika berada dalam keadaan haid selepas dicampuri oleh suaminya, Imam Ibn Kathir menyatakan wanita tersebut diwajibkan untuk menunggu tiga kali *quru'* iaitu tiga tempoh suci atau tiga kali masa haid sebagai tempoh *iddahnya*. Setelah tamat tempoh tersebut, barulah wanita tersebut dibenarkan untuk berkahwin dengan lelaki lain.

Imam Ibn Kathir menukulkan rujukan daripada *kitab Muwatta'* yang berpendapat *quru'* merujuk kepada masa suci haid. Detik perceraian yang berlaku ketika keadaan isteri suci menjadi asas dalam pelaksanaan perceraian tersebut. Tempoh *'iddah* akan berakhir setelah selesai haid ketiga. Imam Ibn Kathir juga menukulkan rujukan tentang beberapa pendapat ulama yang memaksudkan *quru'* adalah masa berlaku haid dan bukan masa suci haid. Oleh itu, seorang wanita dianggap telah selesai menjalani *'iddah* setelah berakhirnya haid ketiga dan telah mandi wajib. Pendapat ini menunjukkan bahawa *'iddah* hanya tamat apabila kitaran haid yang ketiga selesai sepenuhnya.

²¹ *Ibid.*, hal. 286.

²² Al-Shafi'i, Muhammad ibn Idris. (t.t.). *al-Umm*, jld. 5. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hal. 167.

Imam Ibn Kathir telah menyokong pendapat ini. Antara hujah beliau adalah berlandaskan riwayat al-Qamah yang menceritakan tentang seorang wanita yang telah diceraikan dengan *talaq* satu atau dua kali. Wanita itu mengadu kepada ‘Umar bin al-Khattab RA bahawa suaminya ingin merujuk kembali. Wanita tersebut telah selesai menjalani tiga kali haid dalam tempoh ‘*iddah* dan sedang bersiap untuk mandi wajib. Sebelum sempat mandi wajib, suaminya datang untuk *ruju*’. ‘Umar bin al-Khattab RA menyatakan bahawa wanita itu masih dianggap isterinya kerana masa ‘*iddah* belum tamat. Tempoh ‘*iddah* dianggap berakhir hanya apabila wanita tersebut telah mandi wajib selepas haid ketiga. Oleh itu, selama wanita itu belum mandi wajib, suaminya masih berhak untuk *ruju*’ tanpa akad yang baru. Imam Ibn Kathir menyatakan bahawa ‘Abd-Allah bin Mas’ud RA juga menyokong pendapat ini.

Imam Ibn Kathir menjelaskan bahawa suami yang menceraikan isterinya lebih berhak untuk merujuk isteri seandainya isteri masih menjalani ‘*iddah* dan berstatus *talaq raj’i*. *Ruju*’ mestilah dengan objektif kebaikan sesama suami dan isteri. Dalam kes wanita- wanita berstatus *talaq bain* (talak tiga), nas ayat yang lain membatasi wanita-wanita tersebut daripada *ruju*’.²³

Wahbah al-Zuhaili menjelaskan bahawa *quru*’ menurut pandangan majoriti *fuqaha*’ termasuk Mazhab al-Shafi’i dan Mazhab Hanbali ialah tempoh suci antara dua haid manakala menurut Mazhab Hanafi bermaksud masa haid itu sendiri. Wahbah al-Zuhaili menegaskan bahawa hikmah disyariatkan ‘*iddah* ialah untuk memastikan kesucian rahim serta memberi ruang bagi kemungkinan *ruju*’ antara pasangan sekiranya talak itu bersifat *raj’i* (boleh dirujuk).²⁴ Wahbah al-Zuhaili dan Imam Ibn Kathir bersependapat bahawa ‘*iddah* adalah suatu kewajipan syarie yang mempunyai hikmah besar dalam menjaga nasab, mengelakkan kekeliruan keturunan dan memberi peluang kepada pasangan untuk menilai semula hubungan perkahwinan mereka.

Hukum dan Panduan Umum Perceraian (ayat 229 *Surah al-Baqarah*)

Imam Ibn Kathir menegaskan hukum perceraian atau *talaq* adalah hak suami. *Talaq* yang dibenarkan syarak ialah sebanyak dua kali. Suami juga mempunyai hak untuk merujuk isteri selepas *talaq* pertama dan kedua dalam tempoh ‘*iddah* (masa menunggu) jika mereka ingin memperbaiki hubungan

²³ *Ibid.*, hal. 288.

²⁴ Wahbah al-Zuhaili. (1985). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. jld. 9. Dimasq: Dar al-Fikr, hal. 4884.

dan ingin hidup bersama semula. *Rujuk* ini perlu dilakukan dengan cara yang baik dan tanpa merugikan hak isteri.

Menurut Imam Ibn Kathir, jika seorang suami menjatuhkan *talaq* pertama atau kedua kepada isterinya, dia memiliki dua pilihan selama tempoh '*iddah* masih berlangsung. Pilihan pertama adalah *ruju*'. Pilihan kedua adalah suami membiarkan isterinya menyelesaikan tempoh '*iddah* dan jika keputusan akhir adalah untuk berpisah maka perceraian hendaklah dilakukan dengan cara yang baik tanpa menzalimi hak isteri atau merugikannya dalam apa jua keadaan.²⁵

Namun jika berlaku perselisihan dalam konteks isteri tidak mampu menunaikan hak suaminya, merasa tidak senang terhadapnya dan tidak lagi dapat hidup bersama suami maka syarak memberi jalan keluar melalui konsep tebusan iaitu *khulu*'. Isteri boleh menawarkan tebusan kepada suami sebagai simbol gantian atas sumbangan suami kepadanya. Tidak menjadi dosa bagi isteri untuk memberikan tebusan dan juga tidak menjadi dosa bagi suami untuk menerimanya. Jika seorang suami menerima tebusan daripada isterinya tetapi tindakan tersebut menyebabkan kemudaratan kepada isteri maka suami wajib memulangkan tebusan tersebut. Dalam situasi ini, *talaq* yang dijatuhkan dianggap sebagai *talaq raj'i* iaitu *talaq* yang membolehkan suami merujuk isterinya dalam tempoh *iddah* tanpa memerlukan akad nikah yang baru.²⁶

Imam Ibn Kathir menyatakan bahawa para ulama *salaf dan khalaf* bersepakat bahawa *khulu*' hanya dibenarkan dalam keadaan tertentu khususnya apabila berlaku *shiqaq* (perselisihan) atau *nusyuz* (kedegilan dan penderhakaan isteri). Dalam situasi seperti ini, suami diizinkan menerima tebusan sebagai penyelesaian. Pendapat ini turut disokong sebahagian sahabat termasuk Ibn 'Abbas RA. Sebahagian sahabat menegaskan bahawa suami tidak dibenarkan mengambil lebih daripada apa yang pernah diberikan kepada isterinya bagi memastikan keadilan dalam pelaksanaan *khulu*'.

Imam Ibn Kathir menukilkan bahawa Ibn 'Abbas RA berpendapat *khulu*' bukanlah pembatalan nikah yang berbentuk *fasakh*. Pendapat lain pula menyatakan bahawa *khulu*' dianggap sebagai *talaq ba'in* iaitu *talaq* yang memutuskan ikatan perkahwinan sepenuhnya kecuali jika suami berniat untuk menjadikan *khulu*' sebagai bentuk *talaq* yang lain. Dalam keadaan ini, jika suami berniat memberi peluang untuk *rujuk* selepas *khulu*', maka niat tersebut dapat mempengaruhi hukumannya. Namun, secara umumnya,

²⁵ Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm, hal. 287.

²⁶ *Op.cit.*, hal. 249.

khulu' memutuskan hubungan suami isteri sepenuhnya dan untuk *ruju'*, bekas suami memerlukan akad nikah baru terhadap bekas isterinya.

Berhubung dengan *khulu'*, Imam al-Shafi'i menyatakan bahawa ia adalah pembubaran perkahwinan dengan perantaraan bayaran tebusan oleh isteri sama ada dalam bentuk harta atau pengembalian mahar. Beliau menjelaskan bahawa *khulu'* dianggap sebagai *talaq bain* (cerai putus) kerana ia melibatkan pengguguran hak suami untuk *ruju'* kecuali dengan akad nikah yang baru. Namun, Imam al-Shafi'i turut menjelaskan bahawa jika suami berniat menjadikan lafaz *khulu'* itu sebagai *talaq raj'i* maka niat itu memberi kesan hukum yang berbeza. Namun secara asal, *khulu'* tergolong dalam *talaq ba'in* yang menghilangkan hak *ruju'*.²⁷ Pandangan Imam al-Shafi'i adalah sependapat dengan kenyataan Imam Ibn Kathir kerana beliau juga membezakan antara *talaq raj'i* (dua kali pertama) dan *talaq ba'in* (melalui *khulu'* atau *talaq* ketiga) dalam perbincangan hukum kekeluargaan Islam.

Hukum Talaq Tiga (ayat 230 Surah al-Baqarah)

Imam Ibn Kathir menegaskan *talaq tiga* merupakan perceraian yang telah mencapai tahap muktamad iaitu tahap perceraian yang tidak boleh dirujuk kembali. Dalam ayat ini, Allah SWT menetapkan bahawa setelah seorang suami menceraikan isterinya dengan *talaq* yang ketiga, pasangan tersebut sudah tidak dapat kembali menjadi suami isteri melainkan isteri tersebut telah berkahwin dengan lelaki lain dan disetubuhi secara sah. Jika wanita itu berkahwin dengan lelaki lain tetapi tidak disetubuhi atau jika dia sekadar dijadikan isteri oleh lelaki lain tanpa ikatan pernikahan yang sah maka suami pertama tidak dibolehkan syarak untuk merujuknya kembali.²⁸

Pandangan Imam Ibn Kathir adalah selaras dengan pendapat Imam al-Shafi'i terhadap ayat tersebut. Di samping itu, mereka turut bersepakat bahawa *talaq tiga* adalah perceraian yang tidak boleh dirujuk kembali kecuali selepas perkahwinan sebenar dengan lelaki lain. Amalan perkahwinan olok-olok adalah tidak dibolehkan kerana bertentangan dengan tujuan dan hikmah syariat Islam.²⁹

Keadilan Dalam Perceraian (ayat 231 Surah al-Baqarah)

Allah memerintahkan agar suami yang menceraikan isterinya melakukan dengan cara yang baik dan tidak menyakiti isteri sama ada dengan merujuk

²⁷ Al-Shafi'i, Muhammad ibn Idris. (t.t.). *al-Umm*. jld. 5. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hal. 251.

²⁸ Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm, hal. 290.

²⁹ Al-Shafi'i, Muhammad ibn Idris. (t.t.). *al-Umm*. jld. 5. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hal. 228.

kembali atau melepaskan mereka dengan cara yang baik selepas tempoh *'iddah*. Imam Ibn Kathir turut memperingatkan bahawa ayat ini mengandungi perintah larangan terhadap suami untuk menyakiti atau merugikan pihak isteri.

Ayat 231 *Surah al-Baqarah* juga menekankan agar suami yang menceraikan isterinya dengan *talaq raj'i* (perceraian yang masih memungkinkan *ruju'*) untuk melakukan perceraian dengan cara yang adil dan baik. Jika selepas selesai tempoh *'iddah*, seandainya suami berhasrat untuk merujuk isterinya maka suami harus melakukannya dengan cara yang baik (*ma'ruf*) iaitu mengembalikan isterinya ke dalam pernikahan dengan niat yang ikhlas dan memperlakukan isteri dengan hormat tanpa paksaan atau permusuhan. Sebaliknya jika suami memilih untuk membiarkan isteri tersebut selesai masa *'iddah* dan menceraikannya maka ia mesti dilakukan dengan cara yang penuh kebaikan tanpa kezaliman atau perbuatan yang merugikan kedua pihak.³⁰

Sayed Rashed Hasan Chowdury menyatakan segala ketetapan syarak berhubung hak semasa dan selepas perceraian seperti perspektif Imam Ibn Kathir ialah untuk menegakkan keadilan yang menjadi perkara tunjang dalam setiap keputusan perceraian. Menurutnya, perceraian yang tidak berasaskan keadilan sama ada dalam bentuk penindasan emosi, pengabaian hak atau ketidakjujuran adalah amat bertentangan dengan roh hukum Islam. Justeru, keadilan dalam perceraian bukan hanya tanggungjawab suami terhadap isteri malahan institusi kehakiman Islam juga berperanan besar untuk memastikan keputusan dibuat secara adil dan berasaskan *maqasid* syariah sepenuhnya.³¹

Hak Kebebasan Wanita Selepas Penceraian (ayat 232 *Surah al-Baqarah*)

Nas ayat 232 *Surah al-Baqarah* mengetengahkan hak kebebasan wanita selepas perceraian. Selepas tamat tempoh *'iddah*, wanita bebas untuk berkahwin semula dengan lelaki lain tanpa halangan wali selagi wanita tersebut menginginkan perkahwinan yang sah dengan syariat Islam.

Imam Ibn Kathir menjelaskan bahawa Allah melarang tindakan wali yang menghalang wanita untuk berkahwin semula selagi kedua-dua pihak yang bakal berkahwin telah saling meredai dan akan melaksanakan pernikahan dengan sah. Tindakan mereka perlu dihormati. Kebebasan yang

³⁰ *Op.cit.*, hal. 287.

³¹ Sayed Rashed Hasan Chowdury. (2014). *Tafsir Ibn Kathir: Biography of Writer and Specialist in Tafsir*. Dhaka, Bangladesh: University of Dhaka *International Journal of Social, Political and Economic Research (IJOSPER)*, Vol. 1, No. 1, hal. 40.

diberikan membuktikan prinsip keadilan dan kebaikan Islam dalam hubungan perkahwinan sesama insan. Dalam pada itu, peranan wali masih lagi relevan sebagai orang penting dalam sesebuah perkahwinan wanita. Wali masih berperanan dalam mengingatkan, melindungi hak wanita dan memastikan sesebuah perkahwinan itu sah.³²

Menurut Wahbah al-Zuhaili, Islam melarang keras perbuatan wali yang menghalang wanita daripada berkahwin semula dengan lelaki pilihannya selagi mana pernikahan itu memenuhi syarat sah dan dilaksanakan secara baik.³³ Pandangan Wahbah al-Zuhaili ini selaras dengan pandangan Imam Ibn Kathir. Kedua-dua tokoh menegaskan bahawa hak wanita dalam memilih pasangan dan berkahwin semula selepas *'iddah* adalah sebahagian daripada prinsip keadilan dan kebebasan yang dituntut syarak.

'Iddah Isteri Kematian Suami (234 Surah al-Baqarah)

'Iddah bagi wanita yang menghadapi kematian suami ialah empat bulan sepuluh hari. Imam Ibn Kathir menerangkan pensyariatan ini bertujuan untuk menghormati suami yang telah meninggal dan memastikan tidak ada kesilapan mengenai keturunan jika ada kemungkinan kehamilan. Di samping itu, syariat ini memberi peluang kepada wanita untuk mempertimbangkan masa depannya. Selama tempoh *'iddah* ini, wanita tersebut dilarang berkahwin dengan lelaki lain.

Menurut Imam Ibn Kathir, *'iddah* adalah wajib bagi wanita yang telah disetubuhi ataupun yang belum disetubuhi suami yang telah meninggal dunia. Hal ini berdasarkan *ijma'* dan dalil sunnah. Beliau menukilkan pendapat Ibn Mas'ud RA yang menegaskan bahawa wanita tersebut berhak mendapatkan *mahar* seperti yang diberikan kepada wanita meskipun belum terjadi hubungan suami isteri. Bagi wanita yang hamil yang kematian suami maka *'iddah* adalah berlainan tempoh iaitu sampai melahirkan anak. Selain itu, tempoh *'iddah* bagi wanita yang berstatus hamba ialah separuh daripada tempoh *'iddah* wanita merdeka iaitu dua bulan dan lima hari.

Imam Ibn Kathir juga menjelaskan nas ini turut berhubung dengan kewajipan berkabung bagi wanita yang kematian suami dalam tempoh sepanjang *'iddah*. Maksud berkabung ialah wanita tersebut tidak dibenarkan untuk berhias atau mengenakan perhiasan yang mencerminkan keinginan untuk menikah lagi. Imam Ibn Kathir mengemukakan pendapat *fuqaha'*

³² *Op.cit.*, hal. 296.

³³ Wahbah al-Zuhaili. (1985). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. jld. 9. Dimasq: Dar al-Fikr, hal. 4981.

dalam isu wanita yang diceraikan secara *talaq bain*. Imam Abu Hanifah dan Imam Sufiyan al-Thawri mengecualikan wanita yang masih kecil kerana tiada *taklif* terhadap kewajipan ini.³⁴

Menurut Mazhab Shafi'i, tempoh *'iddah* bagi wanita yang kematian suami ialah selama empat bulan sepuluh hari. Ketetapan ini berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam ayat 234 *Surah al-Baqarah* yang jelas menyebut bahawa wanita kematian suami perlu menunggu selama tempoh tersebut sebelum dibenarkan berkahwin semula. Namun, sekiranya wanita tersebut sedang hamil ketika kematian suaminya berlaku, maka *'iddah* berterusan sehingga dia melahirkan anaknya tanpa mengira tempoh masa yang diambil. Hal ini menunjukkan bahawa hukum *'iddah* dalam Mazhab Shafi'i mengambil kira keadaan biologi dan tanggungjawab syarak terhadap kejelasan nasab serta penjagaan kehormatan wanita.³⁵

Perbezaan yang dapat dilihat antara Imam al-Shafi'i dan Imam Ibn Kathir ini ialah dalam isu *'iddah* bagi wanita hamba (*amah*). Imam al-Shafi'i dan sebahagian pengikut mazhabnya berpendapat bahawa tempoh *'iddah* bagi wanita hamba yang kematian suami adalah separuh daripada tempoh wanita merdeka iaitu dua bulan lima hari. Namun, Imam Ibn Kathir dalam tafsirnya tidak menyentuh secara khusus tentang perbezaan ini, sebaliknya hanya menekankan hukum umum yang berlaku bagi semua wanita tanpa mengira status mereka. Ini menunjukkan bahawa Mazhab al-Shafi'i mempunyai perincian yang lebih mendalam dalam aspek fiqh amali berbanding Imam Ibn Kathir yang menumpukan kepada aspek tafsiran nas dan hikmah hukum.

Dalam hal kaedah berkabung (*ihdad*) pula, kedua-dua tokoh bersepakat bahawa wanita yang berada dalam tempoh *'iddah* kematian suami wajib menahan diri daripada berhias dan berpenampilan menarik yang boleh menimbulkan keinginan untuk berkahwin semula. Larangan ini meliputi pemakaian perhiasan, wangi-wangian, pakaian berwarna terang, atau sebarang bentuk berhias diri yang melambangkan keceriaan dan keinginan. Sikap berkabung ini bukan bertujuan menzahirkan kesedihan berlebihan tetapi sebagai tanda menghormati suami yang telah meninggal dunia dan memelihara adab serta kehormatan diri sepanjang tempoh *'iddah*.

Mahar untuk Isteri Yang Belum Disetubuhi Setelah Penceraian (ayat 236 dan 237 *Surah al-Baqarah*)

³⁴ Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm, hal. 298.

³⁵ *Op.cit.*, hal. 231-233.

Ayat ini berkaitan dengan isteri yang diceraikan sebelum berlaku persetubuhan. Dalam hal ini, wanita tersebut masih berhak mendapat hak-hak tertentu seperti *mahar*. *Mahar* perlu diberikan semula kepada isteri yang belum disetubuhi dengan syarat bersesuaian dengan keadaan dan kemampuan suami serta ketentuan hukum *syarak*.

Menurut Imam Ibn Kathir, dalil ayat juga membenarkan seorang suami untuk menceraikan isterinya meskipun belum berlaku persetubuhan dan penentuan *mahar*. Pendapat ini dipegang para ulama seperti Ibn ‘Abbas, Tawus, Ibrahim an-Nakha’i dan al-Hasan al-Basri. Jika wanita tersebut telah disetubuhi tetapi *mahar* belum dibayar, suami wajib memberi *mut’ah* yang setara dengan *mahar*. Jika *mahar* sudah ditetapkan tetapi perceraian berlaku sebelum persetubuhan maka suami hanya perlu membayar separuh daripada *mahar*. Namun, jika persetubuhan sudah berlaku maka suami wajib membayar keseluruhan *mahar* sebagai pengganti *mut’ah*.³⁶

Imam Ibn Kathir mendatangkan beberapa pendapat dalam masalah ini. Beliau menukulkan bahawa pegangan Mazhab Shafi’i dalam *qaul qadim* ialah apabila suami telah berdua-duaan dengan isterinya meskipun tanpa persetubuhan maka suami wajib memberikan *mahar* penuh. Dalam *qaul jadid*, tidak wajib memberikan *mahar* kecuali setelah persetubuhan.³⁷ Imam Ibn Kathir turut menjelaskan bahawa Ibn ‘Abbas RA menyatakan dalam hal ini wanita tersebut hanya berhak mendapat separuh *mahar* tanpa apa-apa tambahan. Ini kerana tiada persetubuhan yang berlaku.³⁸

Wasiat Untuk Isteri Selepas Kematian Suami (ayat 240 *Surah al-Baqarah*)

Imam Ibn Kathir menjelaskan asal nas ini menekankan kewajipan wasiat suami untuk pihak isteri. Wasiat tersebut ialah pesanan untuk penyempurnaan nafkah selama setahun tanpa disuruh keluar dari tempat tinggal. Wasiat ini bertujuan untuk memastikan perlindungan dan kebajikan isteri dalam tempoh berkabung selepas kematian suami. Menurut Imam Ibn Kathir berdasarkan riwayat tafsir Ibn ‘Abbas RA melalui ‘Ali bin Abi Talhah RA, asal ayat ini berkenaan dengan kisah seorang lelaki yang meninggal dunia yang telah meninggalkan wasiat agar isterinya diberi nafkah dengan harta peninggalannya ketika *‘iddah* setahun.

³⁶ Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma’il bin ‘Umar. (2000). *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*. Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm, hal. 301.

³⁷ Al-Shafi’i, Muhammad ibn Idris. (t.t.). *al-Umm*, jld. 5. Beirut: Dar al-Ma’rifah, hal. 51-52.

³⁸ *Op.cit.*, hal. 302.

Imam Ibn Kathir menyatakan ayat 240 *Surah al-Baqarah* ini seterusnya telah dimansuhkan dengan penurunan ayat 234 *Surah al-Baqarah* yang menetapkan ‘*iddah*’ bagi wanita yang kematian suami ialah empat bulan sepuluh hari. Namun jika wanita tersebut hamil maka ‘*iddah*’ berakhir selepas melahirkan kandungan seperti yang dijelaskan dalam nas ayat 4 *Surah al-Talaq*.³⁹

Hak faraid wanita tersebut juga dinaskan dalam ayat 12 *Surah al-Nisa*. Isteri berhak mendapat seperempat harta peninggalan suami jika suami tidak meninggalkan anak dan satu perlapan jika suami meninggalkan anak. Ketika seseorang wanita itu selesai menjalani masa ‘*iddah*’ yang ditetapkan, ia berhak untuk meninggalkan rumah suaminya jika dia memilih untuk berpindah. Selepas tempoh tersebut, tidak ada pihak yang boleh menghalang wanita itu untuk memulakan kehidupan baru di tempat lain.

Imam Ibn Kathir mendatangkan perbezaan pendapat *fuqaha*’ dalam permasalahan kewajipan memberi tempat tinggal kepada isteri yang sedang menjalani ‘*iddah*’ setelah suaminya meninggal dunia. Pendapat tersebut didasarkan pada beberapa riwayat:⁴⁰

- i. Abu al-‘Abbas RA dan Ibn Taimiyyah berpendapat bahawa kewajipan memberi tempat tinggal kepada wanita selama tempoh ‘*iddah*’.
- ii. Abu ‘Umar bin ‘Abd al-Barr dan ‘Ata’ berpendapat bahawa kewajipan memberi tempat tinggal kepada wanita yang menjalani ‘*iddah*’ selepas kematian suaminya telah dihapuskan oleh ketentuan baru mengenai faraid. Mereka berpendapat bahawa hak wanita untuk mendapatkan bahagian dari harta peninggalan suami sudah mencukupi dan menggantikan kewajipan memberi tempat tinggal.

Wahbah al-Zuhaili bersependapat dengan Imam Ibn Kathir bahawa terdapat asal peraturan tempoh ‘*iddah*’ ialah selama setahun seperti yang dinaskan dalam al-Quran. Mereka berdua juga menjelaskan bahawa terdapat penurunan hukum selepas itu bagi menggantikan hukum tersebut.⁴¹

Kewajipan *Mut’ah* (ayat 241 *Surah al-Baqarah*)

Imam Ibn Kathir berpendapat *mut’ah* merupakan pemberian saguhati yang wajib diberikan suami kepada isteri selepas berlaku perceraian. Kewajipan ini termasuk perceraian yang berlaku sebelum persetubuhan atau penentuan *mahar*. Tujuan *mut’ah* adalah untuk menghormati isteri dan memberikan bantuan selepas perceraian.

³⁹ *Op.cit.*, hal. 298.

⁴⁰ *Op.cit.*, hal. 309.

⁴¹ Wahbah al-Zuhaili. (1985). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. jld. 9. Dimasq: Dar al-Fikr, hal. 5345.

Imam Ibn Kathir menjelaskan bahawa ayat ini sering dijadikan dalil oleh sebahagian ulama seperti Imam al-Shafi'i yang mewajibkan pemberian *mut'ah*. Ini termasuk wanita yang belum diberikan *mahar*, wanita yang *maharnya* telah ditentukan atau wanita yang diceraikan sama ada sebelum atau selepas persetubuhan. Pendapat ini menunjukkan bahawa *mut'ah* adalah pemberian yang bertujuan untuk memelihara kemuliaan dan kebajikan wanita.⁴²

Perspektif Imam Ibn Kathir ini dapat diperkukuhkan menerusi pendapat Imam al-Shafi'i yang mengariskan terdapat dua jenis hukum *mut'ah* iaitu:

- i. Wajib: pemberian kepada wanita yang belum ditentukan maharnya ketika diceraikan.
- ii. Sunat: pemberian kepada wanita yang telah ditentukan maharnya atau telah disetubuhi untuk tujuan memberikan penghormatan dan sokongan selepas perpisahan.⁴³

Imam al-Shafi'i termasuk dalam kalangan ulama yang berpendapat *mut'ah* adalah wajib bagi setiap perceraian sama ada sebelum atau selepas persetubuhan. ini kerana syariat ini dinyatakan secara umum dalam ayat al-Quran. Imam al-Shafi'i dan Imam Ibn Kathir masing-masing bersepakat bahawa tujuan *mut'ah* bukan semata-mata bersifat pemberian material tetapi merupakan simbol keadilan, belas kasihan dan pengiktirafan terhadap maruah wanita yang telah melalui perpisahan yang sah di sisi syarak.

Penutup

Dalam menghadapi isu perceraian, perspektif pentafsiran Imam Ibn Kathir memberikan panduan berharga dalam membentuk masyarakat yang lebih adil, berilmu dan mengamalkan pedomam syariah. Perspektif beliau mendasarkan bahawa perceraian adalah isu rumah tangga yang wajib diadili dengan hak yang saksama menurut perintah Allah. Unsur penindasan, kezaliman dan pengabaian perintah Allah SWT dalam pengurusan perceraian adalah sesuatu yang wajib dihindari semua pihak.

Imam Ibn Kathir dalam pentafsiran *Surah al-Baqarah* memberikan sumbangan penting dalam perbincangan isu perceraian dengan menekankan kepentingan memahami konteks ayat, *asbab al-nuzul*, dan pandangan para

⁴² *Op.cit.*, hal. 309.

⁴³ Al-Shafi'i, Muhammad ibn Idris. (t.t.). *al-Umm*. jld. 5. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hal. 198.

ulama. Beliau tidak hanya menafsirkan ayat secara literal tetapi turut menggabungkan pelbagai pendapat mazhab seperti Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali untuk memberikan gambaran yang lebih luas dan menyeluruh kepada para ulama dan pengamal fiqh. Pendekatan ini membolehkan proses pemilihan hukum fiqh yang sesuai berdasarkan dalil yang paling kuat dan tepat.

Dalam isu perceraian khususnya berkaitan *talaq, ruju'*, *'iddah* dan hak pasangan suami isteri, Imam Ibn Kathir banyak merujuk kepada pandangan Ibn 'Abbas RA yang dianggap sebagai salah seorang sahabat yang paling memahami al-Quran. Rujukan kepada Ibn 'Abbas RA ini memperkuat pentafsiran dan menjadikan perspektif pentafsiran berasaskan sumber *ma'thur* lagi dipercayai terutama dalam menyelesaikan persoalan hukum yang kompleks. Contohnya, penjelasan tentang tempoh *'iddah* yang berbeza mengikut keadaan wanita memberikan panduan yang jelas dan terperinci.

Imam Ibn Kathir turut menegaskan prinsip keadilan dan perlakuan baik dalam pelaksanaan perceraian. Beliau menggariskan bahawa suami tidak boleh menceraikan isteri secara sembarangan dan tindakan perceraian perlu dilakukan dengan niat yang jelas dan cara yang adil. Konsep keadilan ini turut dilihat dalam perincian hukum seperti larangan menahan isteri dengan cara yang merugikan, kewajiban suami memberi *mut'ah* serta hak isteri selepas perceraian termasuk kebebasan untuk berkahwin semula.

Dalam bab *khulu'* atau tebusan penceraian, Imam Ibn Kathir menjelaskan bahawa *khulu'* bukanlah *fasakh* tetapi satu bentuk *talaq* yang memerlukan tebusan daripada isteri. Walaupun secara umumnya *khulu'* memutuskan ikatan perkahwinan secara muktamad, terdapat kemungkinan proses *ruju'* dilaksanakan pihak suami yang ingin melakukan demikian. Pendekatan ini memberi gambaran fleksibiliti dalam hukum perceraian dengan mengambil kira keadaan perselisihan dalam rumah tangga serta hak dan keadilan kedua-dua pihak.

Selain itu, Imam Ibn Kathir juga memberikan perhatian khusus kepada hak wanita selepas perceraian dan kematian suami. Beliau menjelaskan kewajipan tempoh *'iddah* bagi wanita yang diceraikan atau kematian suami sebagai suatu masa pemulihan dan penghormatan, termasuk kewajipan suami memberi nafkah dan wanita bebas berkahwin semula selepas tamat *'iddah*. Pendapat beliau yang merujuk kepada pelbagai riwayat dan *fuqaha'* menggambarkan usaha untuk menjaga hak wanita secara adil dalam konteks syariat Islam.

Kesimpulannya, perspektif pentafsiran Imam Ibn Kathir terhadap isu perceraian dalam *Surah al-Baqarah* merupakan gabungan ilmu tafsir dan fiqh

yang mendalam, berpandukan kepada dalil nas dan pendapat para sahabat dan ulama mazhab. Pendekatan beliau yang komprehensif dan seimbang membolehkan hukum perceraian dipraktikkan dengan penuh hikmah, keadilan dan tanggungjawab. Pespektif Imam Ibn Kathir dapat dijadikan pedoman tambahan dalam institusi kehakiman syariah dan pengetahuan penting terhadap pasangan suami isteri dalam masyarakat Islam.

Bibliography

Al-Qur'an al-Karim.

Afina Atsania. Biografi Tafsir Ibn Kathir. Surabaya: Universitas Islam Surabaya, 2019.

Al-Khatib, Muhammad Ajjaj. Usul al-Hadith: Ulumuh wa Mustalahuh. Beirut: Dar al-Fikr, 1989.

Al-Shafi'i, Muhammad ibn Idris. Al-Umm. Beirut: Dar al-Ma'rifah, n.d.

Al-Zarqa, Mustafa Ahmad. Al-Manhajiyyah fi Tafsir al-Qur'an al-Karim. Misr: Dar al-'Ilm, 2003.

Ali, Zeenat Shaukat. "The Concept and Types of Divorce in Islamic Law Initiated by Wife." IOSR Journal of Humanities and Social Science 28, no. 9 (2023).

Basri, H. Hasan. Model Penafsiran Hukum Ibn Kathir. Bandung: UIN Sunan Gunung Djati Bandung, n.d.

Chowdury, Sayed Rashed Hasan. "Tafsir Ibn Kathir: Biography of Writer and Specialist in Tafsir." University of Dhaka International Journal of Social, Political and Economic Research (IJOSPER) 1, no. 1 (2023).

Hassan, Mohd Kamal. Towards a Common Civilization: Critical Concepts in Political Science. London and New York: Routledge, 2009.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. Tafsir al-Qur'an al-'Azim. Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm, 2000.

Julianto, Sofa. Kaidah Istifham dan Implementasinya dalam al-Qur'an. Riau Pekanbaru: Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau Pekanbaru, 2017.

Lajnah al-Fatwa bi al-Shabakah al-Islamiyyah. Fatawa al-Shabakah al-Islamiyyah. Riyadh: Kerajaan Saudi Arabia, 1431 H.

Muhyin, Nabila Fajriyanti. "Metode Penafsiran Ibnu Katsir dalam Tafsir al-Qur'an al-Adzim." Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir. Indonesia: Fakultas Syari'ah dan Hukum, Universitas Sains Al-Qur'an Wonosobo (UNSIQ), 2023.

Noor, Umar Mukhtar Mohd. "Bayan Linnas Siri 46: Cerai: Elakkanlah." Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Accessed on February 2, 2025.

<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1827-bayan-linnas-siri-46-cerai-elakkanlah>

Rifai Aly, M. Asbab al-Nuzul dalam Tafsir Ibnu Katsir. Banda Aceh: Program Studi Ilmu Al-Quran dan Tafsir, UIN Ar-Raniry, 2019.

Sari, Riana Ratna. Islam Kaffah Menurut Pandangan Ibnu Katsir. Kerinci: Fakultas Ushuluddin, Adab dan Dakwah, IAIN Kerinci, 2019.

Syed Alwi and Sharifah Faigah. Hakikat Perceraian dalam Islam: Halal Tetapi Dibenci Allah S.W.T. Pahang: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (ClTU), Universiti Teknologi Mara, 2005
Wahbah al-Zuhaili. Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh. Dimasq: Dar al-Fikr, 1985.